



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْاَهْوَالِ اِلَامَا اِسْلَامِ نَغَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

11 RABIULAKHIR 1447H / 03 OKTOBER 2025M

“AMANAHH: JANJI HAMBA KEPADA ALLAH”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

((٢٧) الأنفال: 27)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.

فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang jumaat sekalian, supaya kita bersama-sama berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan sebenar-benar takwa. Marilah kita hayati makna takwa yang hakiki, iaitu melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi setiap larangan-Nya. Sesungguhnya, berjayalah orang-orang yang bertakwa dengan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Tajuk khutbah jumaat pada kali ini ialah: ***“Amanah: Janji Hamba Kepada Allah”***.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Mari kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 72:-

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

Dalam tafsir Ibn Kathir, maksud amanah daripada ayat yang dibacakan tadi ialah bebanan kepada manusia untuk menerima pelbagai perintah daripada Allah SWT, sama ada dalam bentuk larangan atau pun suruhan. Jika seorang hamba itu mentaati Allah, maka dia akan diberikan pahala. Namun sekiranya dia ingkar, maka azab Allah akan menyimpannya.

SIDANG JEMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Amanah mentaati Allah amat besar nilainya. Allah SWT telah menawarkan amanah kepada makhluk yang lebih besar daripada kita, namun mereka menolaknya. Langit enggan, bumi tidak sanggup dan gunung ganang menolak. Tetapi manusia sanggup menerimanya, lalu kita pun berjalan di atas muka bumi ini dengan janji dan amanah yang telah lama kita lupakan. Kita sering terleka akan maksud amanah yang begitu luas, merangkumi keseluruhan aspek kehidupan kita. Syeikh Ahmad Mustafa al-Maraghi membahagikan amanah kepada tiga bahagian, iaitu;

Pertama: Amanah manusia terhadap Tuhannya. Ia merujuk kepada semua ketentuan Allah yang harus dipelihara seperti melaksanakan semua perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Kedua: Amanah manusia terhadap dirinya sendiri. Ia bermaksud melaksanakan sesuatu dengan sebaik mungkin dan bermanfaat bagi dirinya sama ada dalam urusan agama mahupun urusan dunia. Seperti memakan makanan yang sihat, selamat dan halal, tidak mengambil bahan-bahan yang boleh membahayakan kesihatan seperti dadah dan menjauhi perkara yang sia-sia.

Ketiga: Amanah manusia kepada orang lain. Ia merujuk kepada perkara muamalat atau hubungan sosial sesama manusia. Antaranya ialah berlaku adil sebagai pemimpin, menjaga lisan dalam komunikasi, bertanggungjawab kepada keluarga, jujur menyampaikan ilmu, berintegriti dalam pekerjaan dan seumpamanya.

Tiga bentuk amanah tersebut dijalankan secara seiring dan menjadi satu pakej amalan yang tidak dapat dipisahkan. Sebagai umat Islam, menjadi kewajipan kita untuk memahami, mentaati dan menghayati akan ketiga-tiga bahagian amanah yang disebutkan tadi. Malangnya pada hari ini, terdapat sebahagian umat Islam yang sering kali mengkhianati amanah tersebut. Manusia mudah lupa akan janji-janjinya. Maka Allah SWT mengingatkan kita akan larangan mengkhianati amanah. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 27 yang dibacakan pada awal khutbah tadi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”*

SIDANG JUMAAT YANG DIREDAI ALLAH,

Nilai amanah memang menjadi salah satu ciri khas penting dalam ajaran Islam. Amanah berarti kepercayaan atau tanggungjawab yang harus dipelihara dan ditunaikan dengan sebaik-baiknya, baik dalam hubungan dengan Allah SWT mahupun dengan sesama manusia. Hal ini sepertimana sabda Baginda dalam sebuah hadis daripada Anas bin Malik RA berkata; Nabi SAW tidak pernah berkhotbah di hadapan kami kecuali Baginda mengatakan: *“Tidak sempurna keimanan bagi orang yang tidak amanah, dan tidak sempurna agama seseorang bagi yang tidak memenuhi janji.”* (HR Ahmad)

Hadis ini jelas menyatakan bahawa sesiapa yang menjaga amanah, maka dia turut menjaga agamanya. Sebaliknya, sesiapa yang mengkhianati amanah, dia telah meruntuhkan tiang keimanannya. Lebih buruk daripada itu, pengkhianatan amanah bukan sahaja memberi kesan kepada diri sendiri, bahkan turut mencemari masyarakat secara keseluruhan. Akibatnya, akan lahir pemimpin yang zalim, wujud pengabaian tanggungjawab dalam institusi keluarga, pekerja yang menipu majikan, serta kemunculan golongan yang memperalatkan agama demi kepentingan peribadi.

SIDANG JEMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Tidak ada seorang Muslim yang waras akalnya ingin hidup dalam suasana kekacauan dan kerosakan. Justeru, marilah kita kembali kepada fitrah jiwa yang menjaga amanah dan menjadi insan yang dipercayai.

Antara langkah-langkah untuk membentuk diri menjadi insan yang beramanah ialah:

Pertama: Sentiasa bermuhasabah diri dan bertaubat.

Setiap hari yang kita lalui merupakan peluang untuk bermuhasabah dan bertaubat. Gunakan kesempatan ini sebaik mungkin kerana kita tidak tahu bilakah ajal akan menjemput. Ingatlah bahawa setiap amanah akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Kedua: Melatih sifat jujur dalam diri.

Kejujuran adalah sifat yang mulia. Kita boleh mula dengan menjaga lisan seperti berkata benar, tidak menyembunyikan fakta dan meninggalkan ucapan yang sia-sia. Dalam perbuatan pula, kita boleh melatih diri untuk menepati masa, tidak 'curi tulang' ketika bekerja, dan menjalankan tugas dengan penuh integriti.

Ketiga: Tunaikan janji dan jangan bertanggung dalam perkara kewajipan.

Apabila kita berjanji, tunaikan janji dengan segera. Jangan hanya manis di mulut, tapi kosong dalam tindakan. Hal ini termasuk juga dalam menunaikan kewajipan seperti melangsaikan hutang. Apabila seseorang memiliki hutang yang belum ditunaikan, maka hendaklah ia mengutamakan pelunasannya dengan segera, tanpa menunda dan tanpa mengabaikan kewajipan tersebut, kerana hutang adalah amanah yang wajib dipenuhi.

Keempat: Sentiasa meminta petunjuk daripada Allah SWT

Sebagai seorang Muslim, kita memohon petunjuk dan hidayah daripada Allah sekurang-kurangnya 17 kali sehari dalam solat. Dalam ayat ke-6 surah al-Fatihah yang sering kita bacakan:-

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Tunjukilah kami jalan yang lurus.”

Kita insan yang lemah dan penuh kekurangan. Oleh itu, jangan berhenti berharap dan berdoa agar Allah sentiasa membimbing kita dalam menjaga amanah dan menjalani hidup dengan penuh kejujuran.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Khatib sekali lagi ingin mengingatkan agar marilah kita memperbaharui tekad untuk menjadi umat yang menjaga amanah demi kebaikan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Jadikanlah hari ini sebagai momentum awal untuk kita melakukan perubahan diri menuju peribadi mukmin yang senantiasia memelihara amanah serta menjauhi segala bentuk pengkhianatan. Semoga kita tergolong dalam kalangan orang yang berpegang teguh kepada amanah dan beroleh kejayaan. Firman Allah SWT dalam surah al-Mukminun ayat 8 hingga 11:-

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾
أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya. Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi. Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي

هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan,

mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَا تَكْفُرُوا بِاللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.